



KENYATAAN MEDIA

PROGRAM JELAJAH USAHAWAN DAN KOPERASI MADANI 2023 (PJUKM 2023) NEGERI SELANGOR

SHAH ALAM, 11 JUN 2023 – Sejumlah RM64,544,080.00 telah disampaikan kepada 16 usahawan bimbingan agensi di bawah KUSKOP iaitu SME Corporation Malaysia (SME Corp.), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), UDA Holdings Berhad, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan TEKUN Nasional. Ianya disampaikan oleh YAB Menteri Besar Selangor dengan disaksikan oleh YB Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi semasa Program Jelajah Usahawan dan Koperasi MADANI 2023 (PJUKM 2023) Negeri Selangor.

PJUKM 2023 Negeri Selangor merupakan anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Selangor. Penganjuran PJUKM 2023 adalah selaras dengan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030 iaitu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan (*entrepreneurial nation*) menjelang tahun 2030.

Penganjuran PJUKM 2023 Negeri Selangor bertujuan menyampaikan maklumat berhubung perkhidmatan keusahawanan dan koperasi melalui sesi taklimat serta pameran agensi di bawah KUSKOP kepada usahawan, koperasi dan komuniti setempat. Program yang diadakan selama sehari ini turut memberi peluang kepada usahawan dan koperasi tempatan membuka reruai bagi menjual pelbagai jenis makanan, minuman serta produk PMKS.

Pelaksanaan PJUKM ini diharapkan dapat merancakkan semula aktiviti keusahawanan dan koperasi khususnya di Selangor selaras dengan kerangka Malaysia MADANI di bawah nilai “kesejahteraan” yang membawa elemen terang-kum dan keseimbangan hidup masyarakat bagi menuju sebuah negara bangsa yang maju dan sejahtera.

Selain itu, bagi menyelami denyut nadi rakyat yang terkesan dengan peningkatan kos sara hidup, KUSKOP menerusi SKM turut mengadakan Jualan MADANI Koperasi yang menawarkan jualan barangan keperluan asas seperti gula, tepung, minyak masak, produk-produk koperasi serta barangan keperluan yang lain dengan kadar penjimatan sekitar 10% hingga 15% daripada harga pasaran.

Program ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Menteri Besar Selangor bersama YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Hadir sama YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KUSKOP, Pengurusan Kanan Kementerian dan Negeri serta ketua-ketua agensi KUSKOP dan agensi Negeri.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi:

*Datin Suriani Abdul Rahman
Ketua Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
Tel: 03-8883 6152 Emel: surianiar@kuskop.gov.my*